



Rujukan Kami : JPNS.PAW 600-11/2/2 JLD.2(104)  
Tarikh : 20 Disember 2019

Ybhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim  
Pengerusi Eksekutif  
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.  
2-19-01 Worlwide @ 7,  
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor

SALINAN

YBhg. Dato' Sri,

**MEMOHON KELULUSAN DAN SOKONGAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED - LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan **tiada halangan** kepada pihak XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. untuk **melaksanakan Program Kitar Semula "Xused - Learn & Earn" Dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) untuk Sekolah di Negeri Selangor** seperti yang terkandung di dalam surat YBhg. Dato' Sri kepada kami.

3. Kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak YBhg. Dato' Sri dengan **pihak pengurusan sekolah** dan pihak YBhg. Dato' Sri diminta menghubungi **Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar** untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut:-

- 3.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;**
- 3.2 **Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;**
- 3.3 **Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.4 **Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai/guru dan murid yang terlibat dengan program ini;**
- 3.5 **Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;**



- 3.6 Penyertaan murid dan pegawai/guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
  - 3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
  - 3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
  - 3.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
  - 3.10 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;** dan
  - 3.11 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.
4. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2020**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(Dr. MAHANOM BINTI MAT SAM)**  
Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,  
Jabatan Pendidikan Selangor,  
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

S.K-1) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya